

BERITA HARIAN

DATE: 10/10/2008

Dr Mahathir tak berhak desak Pak Lah berdiam

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak berhak mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya berdiam diri sehingga menyerahkan kuasa kepada Datuk Seri Najib Razak menjelang Mac ini kerana Perdana Menteri masih perlu melaksanakan tanggungjawabnya memimpin negara.

Kalangan pemimpin Umno berpendapat, Perdana Menteri masih mempunyai banyak tugas yang perlu diselesaikan sebelum menyerahkan kuasa kepada timbalannya dan sehubungan itu, beliau tidak boleh berdiam diri.

Bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata selagi belum sampai tarikh Mac 2009, Abdullah adalah Perdana Menteri dan Presiden Umno, justeru beliau berhak bercakap dan menjalankan tugasnya.

"Macam mana nak suruh berdiam. Tak wajar bagi Perdana Menteri untuk berdiam diri hingga tamat tempoh jawatannya kerana banyak perkara yang belum selesai dan perlu diselesaikan. Sepanjang tempoh itu beliau berhak untuk bercakap.

"Tak macam Tun (Dr Mahathir) dulu, masa dalam jawatan banyak cakap, bila sudah lepas jawatan pun banyak cakap. Selagi Abdullah menjadi Perdana Menteri, beliau berhak untuk bercakap. Rakyat sendiri mahu tahu apakah yang beliau mahu lakukan," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri itu mencadangkan Abdullah supaya berdiam diri mulai sekarang hingga Mac tahun depan apabila ditanya pemberita apakah yang perlu dilakukan hingga tempoh tamat perkhidmatannya sampai.

BH-10/10/2008
Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tan Sri Annuar Musa, juga berpendirian yang sama dengan menyatakan Abdullah kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti hingga Mac tahun depan, justeru tanggungjawab beliau perlu diteruskan hingga tempoh berkenaan.

"Seperti juga Tun (Dr Mahathir) dulu, yang menyerahkan kuasa kepada Pak Lah, beliau juga meneruskan tugas hingga tempoh yang dijanjikan sampai.

"Hinggalah peralihan sebenar berlaku, saya percaya Perdana Menteri akan teruskan tugas seperti biasa dan sudah tentu sepanjang tempoh yang dijanjikan, banyak perkara yang perlu diselesaikan," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Shahrir Samad, juga ber-

“Selagi belum sampai tarikh Mac 2009, Abdullah adalah Perdana Menteri dan Presiden Umno, justeru beliau berhak bercakap dan menjalankan tugasnya”

Mohamed Rahmat
Bekas Menteri Penerangan



kata, selagi Abdullah menjadi Perdana Menteri, beliau bersama Kabinetnya berhak membuat keputusan dan perancangan selaras dengan kedudukannya sebagai ketua kerajaan.

"Jadi tak kenalah jika kita minta seorang Perdana Menteri jangan bercakap sedangkan peralihan kuasa belum lagi berlaku," katanya.

Menteri Belia dan Sukan yang juga Ahli Parlimen Bera, Datuk Ismail Sabri Yaakob, juga berpendapat Abdullah perlu meneruskan agenda yang dirancang hinggalah beliau menamatkan tempoh perkhidmatannya

dan menyerahkan kepada Najib.

"Kita perlu menghormati pengorbanan yang dilakukan oleh Pak Lah dan jangan dijadikan polemik daripada perkara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula enggan membuat sebarang ulasan, namun katanya pendirian Abdullah harus dihormati.

"Kita menghormati keputusan Pak Lah dan memandang tinggi atas pengorbanan yang dibuat selama ini. Perkara itu tidak boleh dipertikaikan," katanya.